

**TINJAUAN KATEGORI MASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR
ANTARABANGSA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR
DARUL TAKZIM.**

Hassan bin Hushin & Nurfarahiyah binti Mahmud
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Kajian deskriptif ini dijalankan untuk mengkaji kategori masalah yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa dan mengenal pasti masalah utama dari segi demografi (jantina, umur, agama dan status). Sampel kajian ini terdiri 135 orang pelajar antarabangsa peringkat sarjana muda di Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan ialah “*Mooney Problem Check List*” (MPCL). Cara kajian yang dilakukan ialah melalui soal selidik. Data- data yang diperolehi kemudiannya di analisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) for Windows versi 12.0 untuk mendapatkan nilai kekerapan, min dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan kategori masalah yang paling mengganggu para pelajar antarabangsa ialah pelajaran dan kerjaya masa depan (52.15%), diikuti oleh masalah kewangan, keadaan hidup dan pekerjaan (43.11%) serta masalah kegiatan social dan hiburan (42.70%). Pelajar antarabangsa juga menghadapi masalah terhadap perkhidmatan internet, makanan, bahasa dan hubungan sosial dengan pelajar tempatan. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi mengatasi masalah ini.

ABSTRACT : The aim of this description research was to identify the problems categories faced by international students and to identify the main problem based on demography (sex, age, religion and status). The sample was 135 undergraduate students from Universiti Teknologi Malaysia. This study used *Mooney Problem Check List* (MPCL) as the instrument. The data was collected by using questionnaire. Data collection was analyzed by *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS) for Windows version 12.0 to get the frequency, mean and percentage value. Research findings showed that the most distracting factors faced by the international students was studies and future careers (52.15%), follow by financial, life situation and job (43.11%) and social and recreational activities (42.70%). International students also faced problem on internet service, food, language and relationship with local people. Several suggestions on how to overcome the problem had been proposed in this study.

Katakunci : *Mooney Problem Check List* (MPCL), *Statistical Packages For Social Sciences* (SPSS)

PENGENALAN

Pada hari ini, kita dapat lihat ramai pelajar antarabangsa telah banyak melanjutkan pelajaran pendidikan tinggi di Malaysia sama ada di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) atau di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Mereka berasal dari 161 buah negara yang berbeza, oleh itu mereka mempunyai latar belakang serta budaya yang berbeza. Statistik juga menunjukkan pertambahan pelajar antarabangsa dari tahun ke tahun. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong mereka untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia, di antaranya kemudahan yang baik, kos pelajaran yang rendah serta peluang untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik di negara mereka.

Di samping menjalankan pelbagai promosi bagi menarik pelajar antarabangsa, terdapat juga beberapa langkah lain bagi meningkatkan mutu pembelajaran supaya setanding dengan negara lain. Menurut Utusan Malaysia, Rabu 29 Ogos 2007 yang bertajuk Pengantarabangsaan IPT di Malaysia, kerajaan telah meluluskan cadangan untuk melaksanakan Biasiswa Antarabangsa Malaysia iaitu sebanyak 15 jenis biasiswa ditawarkan untuk pelajar antarabangsa meneruskan pengajian di negara ini. Kerajaan juga memperluas program pengajian yang ditawarkan agar sesuai untuk pelajar antarabangsa.

Berdasarkan kenyataan di atas dapatlah di lihat betapa pentingnya fungsi dan peranan pelajar antarabangsa dalam menjadikan UTM sebagai Universiti bertaraf dunia. Perlu diingatkan bahawa pelajar antarabangsa juga secara tidak langsung adalah duta kepada universiti dan negara yang mereka belajar. Kualiti pembelajaran adalah penting untuk menjaga dan mengekalkan reputasi universiti di mana mereka akan pulang ke negara asal dengan pendapat serta pengalaman semasa menuntut di luar negara. Oleh itu, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Universiti dari segi kemudahan, kebajikan pelajar antarabangsa dan sistem akademik yang bersesuaian dengan mereka.

Banyak kajian sama ada di dalam atau luar negara menunjukkan pelajar antarabangsa menghadapi masalah seperti masalah di tempat kerja, masalah keluarga dan masalah kehidupan jika tidak mempunyai daya tindak yang baik akan member kesan mendalam kepada individu yang mengalaminya. Apa yang paling penting ialah bagaimana pelajar antarabangsa dapat bertindak terhadap masalah-masalah yang dihadapi di samping mempunyai sistem bantuan dan sokongan yang baik.

Selain daripada itu, keputusan tentang pemilihan kerjaya, masalah persahabatan serta masalah dalam institusi pendidikan itu sendiri turut menyumbang kepada tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Apabila mengambil keputusan untuk belajar di luar negara, pelajar antarabangsa perlu mempertimbangkan banyak perkara terutamanya dari aspek akademik, sosial dan komunikasi sebelum melangkah ke persekitaran baru. Oleh itu, mereka sudah tentu akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan cabaran dengan persekitaran baru yang berbeza berbanding sebelum ini.

Namun, kategori masalah pelajar antarabangsa yang dihadapi oleh golongan pelajar ini masih tidak diketahui. Oleh yang demikian, penyelidik ingin meninjau mengenai kategori masalah pelajar antarabangsa peringkat Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang berasaskan *Mooney Problem Check List* (MPCL).

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh para pelajar antarabangsa di Universiti Teknologi Malaysia.
2. Mengetahui perbezaan kategori masalah dari segi demografi terpilih (jantina, umur, agama dan status)

KEPENTINGAN KAJIAN

Pelajar tempatan : Dapat menyesuaikan diri dalam kelompok masyarakat yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berbeza.

Pensyarah : Pensyarah pelajar antarabangsa dapat mengetahui kategori-kategori masalah pelajar antarabangsa untuk memperbaiki dan dapat disesuaikan dengan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Universiti Teknologi Malaysia : Hasil kajian diharapkan dapat dijadikan garis panduan untuk UTM merangka program atau aktiviti pembangunan pelajar antarabangsa serta meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan untuk keselesaan para pelajar.

Pelajar antarabangsa : Kajian ini dapat dijadikan garis panduan kepada pelajar antarabangsa dalam menyediakan diri dengan panduan dan pengetahuan yang bersesuaian bagi menggalakkan gaya hidup yang positif dari aspek fizikal dan mental

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya terbatas kepada sampel kajian iaitu pelajar antarabangsa peringkat sarjana di Universiti Teknologi Malaysia dan tidak termasuk Universiti Teknologi, Kuala Lumpur.

Oleh itu, hasil kajian sukar untuk dijadikan asas bagi membuat kesimpulan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh semua pelajar antarabangsa di UTM atau seluruh negara.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk deskriptif, iaitu satu tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Pelaksanaan soal selidik ini dijalankan sendiri oleh penyelidik dengan cara bertemu dengan responden di lokasi yang terlibat. Menurut Azizi Yahaya et. al (2006), tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan ukuran atau gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Penyelidik menggunakan kaedah ini kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat. Melalui kaedah ini juga, maklum balas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus, cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian terdiri daripada pelajar antarabangsa peringkat Sarjana Muda di Universiti Teknologi Malaysia. Jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda sehingga kini adalah seramai 560 pelajar lelaki dan perempuan. Populasi dalam kajian ini diperolehi daripada Penolong Berdaftar, Pejabat Pendaftar (Bahagian Pengurusan Akademik), UTM Kampus Skudai.

KAEDAH PENSAMPELAN

Keseluruhan sampel terdiri daripada 560 orang pelajar. Menurut Mohd. Najib (1999), jumlah sampel sebanyak 30% daripada populasi sudah memadai. Penyelidik memilih 168 orang pelajar secara rawak sebagai mewakili 30% daripada populasi. Jumlah responden yang lebih ramai akan mempengaruhi ketepatan maklumat yang diperolehi. Menurutnya lagi, saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan keputusan kajian. Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi (Mohd.Najib Ghaffar, 1999).

INSTRUMEN KAJIAN

Penyelidik menggunakan *Mooney Problem Check List* (MPCL) sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar bagi instrumen ini, memandangkan ia merupakan bahasa utama yang digunakan oleh pelajar antarabangsa semasa pembelajaran di UTM. Instrumen ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

Bahagian A - Latar belakang responden.

Bahagian B - 11 kategori masalah

Bahagian C - Sebelas kategori masalah dan setiap kategori mengandungi dua puluh item.

KAJIAN RINTIS

Jadual 1: Nilai Alpha Bagi Kategori Masalah.

Bil	Kategori Masalah	Nilai Alpha
1	Kesihatan dan pertumbuhan jasmani.	0.82
2	Kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan.	0.80
3	Kegiatan sosial dan hiburan	0.81
4	Perhubungan sosial psikologi	0.82
5	Hubungan peribadi dan psikologi	0.82
6	Kegiatan muda-mudi, perkahwinan dan seks.	0.79
7	Keluarga dan rumah tangga.	0.84
8	Moral dan agama	0.82
9	Penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik.	0.88
10	Pelajaran dan kerjaya masa depan.	0.87
11	Kurikulum dan kaedah pengajaran.	0.80
Keseluruhan		0.97

DAPATAN KAJIAN

Didapati 77% atau 104 orang daripada responden dalam kajian ini adalah lelaki manakala 23% atau 31 orang responden adalah perempuan. bilangan dan peratusan responden mengikut umur

menunjukkan bahawa majoriti responden yang dikaji adalah berumur 19 hingga 23 tahun iaitu seramai 76.3% atau 103 orang. Sementara 15.6% atau 21 orang responden lagi berumur 24 hingga 28 tahun dan 8.2% atau 11 orang responden adalah berumur 29 hingga 33 tahun.

Didapati majoriti daripada responden menganuti agama Islam iaitu sebanyak 80 %, atau 108 orang, seterusnya diikuti oleh responden yang tidak menganuti sebarang agama meliputi 12.6 % atau seramai 17 orang. Manakala responden yang menganuti agama Kristian merangkumi 4.5 % atau 6 orang dari responden. Peratus yang paling rendah iaitu sebanyak 4% atau seramai 3.0 orang iaitu responden yang menganuti lain-lain agama.

Taburan responden mengikut status, hanya 10.4% atau 14 orang sahaja yang telah berkahwin, manakala 89.6% atau 121 orang responden sahaja yang masih bujang.

Taburan responden mengikut Negara Asal. Didapati majoriti responden sebanyak 20.7% atau 28 orang adalah dari Negara Indonesia, diikuti Cina iaitu 17.8% atau 24 orang. Seterusnya adalah negara Iran iaitu 15.6% atau 21 orang. Manakala responden dari negara Somalia dan Yemen adalah seramai 14.8% atau 20 orang dan responden dari Turki adalah 3.0% atau 4 orang. Responden dari negara Nigeria, Palestin, Emiriyah Arab Bersatu adalah seramai 2.2% atau 3 orang. Seramai 1.5% atau 2 orang responden adalah berasal dari Negara Arab Saudi, Cameroun dan Kazakhstan. Peratus yang paling sedikit iaitu 0.7% atau 1 orang adalah responden yang berasal dari Jamaica, Sudan dan Syria.

Item bermasalah yang paling tinggi dinyatakan oleh responden ialah item tidak cukup tidur (57%), diikuti oleh item tidak mendapat latihan gerak badan yang cukup (56.6%) dan cepat penat (45.2%). Manakala item masalah yang paling kurang mengganggu responden adalah selalu tiada selera makan (13.3%), item perawakan buruk (11.9%) dan item terlalu rendah (9.6%).

Bagi kategori masalah Perhubungan Sosial Psikologi menunjukkan bahawa item masalah yang paling tinggi dinyatakan oleh responden ialah item ingin menjadi lebih disukai (55.6%), diikuti oleh item mengelakkan diri dari orang yang saya benci (49.6%) dan item ingin personaliti yang lebih menarik (46.7%). Manakala item masalah yang paling kurang mengganggu responden adalah item selalu melukakan perasaan orang. (25.2%), diikuti oleh item jadi sasaran kritikan oleh orang lain. (24.4%) dan item dikatakan sombong atau bongkak. (24.4%).

Responden yang beragama Islam, penganut Buddha dan lain-lain agama mengalami kategori masalah yang sama iaitu pelajaran dan kerjaya masa depan (55.83%) (60.0%) (43.83%). Manakala penganut Kristian pula mengalami kategori masalah yang berbeza iaitu moral dan agama (40.84%).

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada analisis data terdapat di bab empat, dapat dirumuskan bahawa pelajar antarabangsa Universiti Teknologi Malaysia, Skudai menghadapi kategori masalah utama dalam Pelajaran dan Kerjaya Masa depan diikuti kategori masalah Kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan dan seterusnya kategori masalah Kegiatan sosial dan hiburan.

Kategori masalah mengikut demografi iaitu mengikut jantina mendapati responden lelaki dan perempuan menghadapi masalah utama yang sama iaitu pelajaran dan kerjaya masa depan. Dapatan kajian mengikut agama pula mendapati secara keseluruhan, responden menghadapi masalah pelajaran dan kerjaya masa depan. Hanya penganut Kristian menghadapi kategori masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan. Taburan peratus mengenai perhubungan di antara umur dan kategori masalah mendapati responden yang berumur 29 hingga 33 tahun menghadapi masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan berbanding responden yang berumur 19 hingga 23 tahun dan 24 hingga 28 tahun menghadapi masalah yang sama iaitu pelajaran dan kerjaya masa depan. Kategori masalah mengikut status mendapati responden yang telah berkahwin dan responden yang masih bujang menghadapi masalah yang sama iaitu masalah pelajaran dan kerjaya masa depan, diikuti oleh kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan serta masalah kegiatan sosial dan hiburan

Di samping itu responden juga menghadapi masalah lain seperti makanan, pengangkutan, kemudahan internet, bahasa pengantaraan, hubungan dan kerjasama dengan pelajar tempatan, kemudahan lain, keperluan terhadap kerja sampingan dan kebebasan dalam pergaulan berlainan jantina.

RUJUKAN

- Annie Suziana (2006). *Hubungan Kategori Masalah dengan Demografi Pelajar-pelajar di Kolej Tunku Canselor, Universiti Teknologi Malaysia, Johor*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya etc.all (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Chickering, A.W. and Reisser, L. (1993). *Education and Identity (2nd edition)*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Foreign Student Quota Stays*. (2004, Julai 16) New Strait Times.
- Hasnah Bin Hamzah (2007). *Hubungan Kategori Masalah dengan Demografi Pelajarpelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Zon Pasir Gudang Berasaskan MPCL*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Ahmad (2000). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori-kategori Masalah di kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Daerah Johor Bharu, Johor*. UTM. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jude Carroll dan Janette Ryan (2005). *Teaching International Student: Improving Learning for All*. United Kingdom: Routledge.
- Klien, Majorie H., A. A Alexander dan Kow Hwa Tseng (1971). *The Foreign student adaption program*. International Cultural and Educational Ex-change, Vol 6, 77-90.
- Lathers, Frances L.(1978). *Foreign Student Perceptions of Four Critical Components Related to Educational Experiences at Western Michigan University*. Ph.D Dissertation. Dissertation Abstract International 39 (4), Sec. A., p.20-87.
- Motoko Y.Lee, Mokhtar Abd Ella dan Burks (1981). *Needs of Foreign Students from Developing Nations at U.S Colleges and Universities*. Amerika Syarikat: Nafsa.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

- Rahil Mahyuddin dan Habibah Elias (2002). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Tan Hong Goon (2004). *Tinjauan Mengenai Kategori-kategori Masalah dikalangan Mahasiswa Tahun 1, Bahagian Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, UTM*. Projek Sarjana Muda. UTM, Skudai.
- UTM (2007). *Syarahana Naib Canselor: Amanat Tahun Baru*. Johor. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.